

SOALAN NO. 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI
[LABUAN]**

TARIKH : 8 NOVEMBER 2016

SOALAN :

DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah langkah standard operasi (SOP) yang telah ditetapkan oleh Kementerian bagi memastikan kanak-kanak yang ditempatkan di pusat jagaan kanak-kanak mendapat hak dan kebajikan yang sewajarnya serta sejauh manakah pemantauan dilakukan oleh Kementerian dalam menangani pusat jagaan haram.

JAWAPAN: **YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) telah diberi tanggungjawab menguatkusakan Akta Pusat Jagaan 1993 dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994.

Langkah standard operasi (SOP) yang digunakan oleh KPWKM untuk memastikan kanak-kanak yang ditempatkan di pusat jagaan kanak-kanak mendapat hak dan kebajikan yang sewajarnya ialah berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994. Setiap pengusaha pusat jagaan hendaklah mengikut keperluan dan kehendak yang dinyatakan di dalam peraturan yang telah ditetapkan.

Mana-mana pengendali pusat jagaan yang melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan adalah melakukan

suatu kesalahan. Apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi memastikan tahap penyampaian perkhidmatan pusat jagaan termasuk pusat jagaan kanak-kanak yang dikendalikan oleh pihak swasta berada di tahap yang tinggi, Kementerian melalui JKM juga menjalankan pemantauan ke pusat jagaan berkaitan.

Di antara bentuk pemantauan yang dijalankan ialah :

- 1) Menjalankan aktiviti pengesanan ke Pusat Jagaan dan TASKA tidak berdaftar sepanjang masa dan memberi peringatan supaya berdaftar dengan JKM;
- 2) Menjalankan pemeriksaan berkala dan mengejut ke premis Pusat Jagaan dan TASKA oleh Pegawai Diberikuasa;
- 3) Mengambil tindakan penguatkuasaan seperti di dalam peruntukan Akta Pusat Jagaan 1993 dan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak

1984 seperti Arahan Bertulis, Tutup Sementara, Batal Pendaftaran, Lak, Kompaun dan menjalankan pendakwaan di Mahkamah.

Dari Januari sehingga September 2016, JKM telah mengeluarkan Arahan Bertulis kepada 39 buah TASKA dan 6 buah pusat jagaan, 6 buah TASKA diambil tindakan lak, 4 buah TASKA dikenakan tindakan kompaun, 3 buah TASKA dikenakan tindakan tutup sementara, 65 buah TASKA dan 11 buah pusat jagaan dibatalkan pendaftaran, dan 6 buah TASKA dan 5 buah pusat jagaan telah didakwa.